



MAHA 2022 RAIH RM3.3 JUTA KUTIPAN JUALAN



MAJLIS PERASMIAN MAHA 2022

Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show

YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri, merasmikan Majlis Perasmian Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA 2022) yang berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) pada 6 Ogos 2022 yang lalu.

Beliau mengucapkan taniah kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) di atas penganjuran pameran terbesar dan berprestij pada kali ini yang bertemakan Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan.

Menurut beliau, kerajaan akan memberi tumpuan yang berterusan kepada pemodenan sektor agromakanan bagi meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara di samping memacu pertumbuhan ekonomi demi menjamin kesejahteraan rakyat.

Pameran yang diadakan ini dapat mempromosikan produk tempatan dalam sektor industri makanan selain itu, pameran ini juga mengetengahkan kepelbagaiannya produk dan kejayaan perusahaan tempatan serta salah satu inisiatif yang diambil oleh agensi Kerajaan dan swasta untuk memodenkan pertanian dan industri makanan negara.

Penganjuran kali ini dapat melonjakkan lagi ekonomi dan pertumbuhan industri agromakanan setelah negara terkesan dengan wabak pandemik COVID-19 yang lalu.



MAJLIS PENUTUP MAHA 2022

Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show

Majlis Penutupan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) Tahun 2022 telah disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dalam satu majlis di Dewan D, MAEPS, Serdang pada 14 Ogos 2022 yang lalu.

Jumlah kehadiran pengunjung pada MAHA 2022 yang dicatatkan melebihi 1.4 juta pengunjung iaitu 1.2 juta pengunjung secara fizikal dan 266,000 pengunjung secara maya manakala, jumlah nilai jualan telah melangkaui RM3.3 juta.

MAHA 2022 merekodkan nilai jualan keseluruhan yang paling tinggi iaitu RM260 juta merangkumi jualan langsung, jualan dalam talian serta padanan perniagaan melibatkan lapan (8) syarikat pemasar dari luar negara yang membawa hasil serta produk agromakanan tempatan ke pasaran antarabangsa. Potensi pembiayaan yang direkodkan oleh Agrobank pula melibatkan 3,111 permohonan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM503 juta.

MAHA kali ini telah menyaksikan pemeteraian 33 perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) melibatkan nilai pelaburan lebih RM5.64 bilion. Perjanjian kerjasama ini melibatkan pelbagai pihak terdiri daripada pengusaha antarabangsa dan pengusaha tempatan.

Tiga anugerah khas turut disampaikan dalam majlis tersebut, antaranya Anugerah Pavilion Negeri Terbaik (Perak), Tempat Kedua (Selangor) dan Ketiga (Kedah), Anugerah Segmen Paling Viral (Miracle Garden) dan Anugerah Jualan Paling Tinggi (Castle of Fruit).

Bagi menampilkan kelainan pada edisi MAHA 2022, satu Anugerah Istimewa telah diberikan kepada pengunjung MAHA ke-1,100,001 yang telah menerima wang tunai RM3,000, baucar Agrobazaar FAMA RM1,000, baucar MAEPS Shopee RM500 dan bekalan susu segar sebulan sumbangan oleh Summerfield.

Sebagai permulaan MAHA 2024, laman padi akan menjadi anak angkat kepada MAFI melalui Bahagian Pembangunan Industri Padi bersama Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) untuk dijadikan sebagai tapak agro-pelancongan yang kekal dan pusat latihan kepada peserta, penyelidik dan sebagainya. MAEPS, Serdang, ia juga akan dijadikan sebagai hab agro-pelancongan untuk mempromosikan kepada umum semua subsektor agromakanan.



PERASMIAN KONVENTSYEN PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN 2022



YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Kementerian Petanian dan Industri Makanan telah merasmikan Konvensyen Peladang, Pernak dan Nelayan Kebangsaan 2022 di World Trade Centre, Kuala Lumpur.

Konvensyen ini diadakan bersempena MAHA 2022 bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap peladang, penternak dan nelayan dalam menghadapi arus pembangunan global.

11 kategori Anugerah Agro MAHA 2022 antaranya Anugerah Peladang Lelaki Terbaik, Anugerah Penternak Waja, Anugerah Agropreneur Muda Terbaik, Anugerah Nelayan Terbaik, Anugerah Persatuan Nelayan Terbaik, Anugerah Unit Peladang Terbaik, Anugerah Pertubuhan Peladang Terbaik, Anugerah Peneraju Inovasi Agromakanan, Anugerah Kumpulan Tani Komersil Terbaik, Anugerah Bintang e-Dagang Agro dan Anugerah Peneraju Industri Padi.

6 lagi kategori anugerah akan disampaikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob pada Majlis Perasmian MAHA 2022 pada Sabtu ini termasuk Anugerah Perdana Sektor Agromakanan.



FLAG OFF EXPO MALAYSIA FEST 2022

Majlis Pelepasan hantaran barang dari Malaysia ke Expo Malaysia Fest 2022 telah berlangsung pada 25 – 28 Ogos 2022 di Hall 6A, Singapore Expo, Changi, Singapura.

Expo Malaysia Fest 2022 merupakan pameran perdagangan dan pengguna yang dianjurkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bersama syarikat MegaXpress International Pte. Ltd khusus untuk mempromosikan produk keluaran Malaysia di pasaran antarabangsa.

Sebagai tarikan utama FAMA membawakan produk segar tempatan dan produk hiliran seperti petai, ulaman kampung, amplang Sabah, keropok lekor Terengganu, kek lapis Sarawak dan banyak lagi.

Produk yang diperkenalkan pada tahun ini lebih kepada produk yang melambangkan negeri-negeri di Malaysia yang membantu dalam melonjakkan jualan.

Penganjuran program ini merupakan kali ke lima dan sememangnya amat dinantikan bagi warga Singapura yang menggemari produk keluaran Malaysia dan secara tidak langsung dapat memperkenalkan pelbagai jenis citarasa makanan, produk popular dan budaya yang terdapat di seluruh negeri Malaysia.

Sebanyak RM7 juta kutipan jualan dan 90,000 pelawat mengunjungi pesta yang diadakan selama empat hari ini selapas dua tahun pelaksanaan program ini ditangguhkan.



MALAYSIA FEST 2022 DI SINGAPURA



YB Timbalan Menteri MAFI I, Dato' Ahmad Hamzah telah merasmikan Ekspo Malaysia Fest 2022 yang diadakan di Singapore Expo, Changi, Singapura. Program ini berlangsung selama empat hari bermula 25 hingga 28 Ogos yang lalu.

Edisi kali ini disertai oleh 220 syarikat PKS Malaysia yang mempromosi dan memasarkan pelbagai produk keluaran tempatan.

Antara tarikan utama ialah FAMA membawakan produk segar tempatan seperti petai, nangka, cempedak dan ulam-ulaman kampung disamping produk hiliran seperti amplang Sabah, keropok lekor Terengganu, kek lapis Sarawak dan banyak lagi.

Penganjuran tahun pertama program ini pada tahun 2016 telah mencatatkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM4.5 juta dan terus meningkat sebanyak 60% pada tahun 2019 kepada RM7.3 juta. Ini memberikan keyakinan kepada MAFI untuk meneruskan program tersebut pada tahun ini dan masa akan datang.

PERJUMPAAN DUA HALA YB MENTERI MAFI DAN DELEGASI KE EMIRIAH ARAB BERSATU

Perjumpaan dua hala antara delegasi MAFI dengan PYT Mariam Bint Mohammed Saeed Hareb Almheiri, Menteri Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 30 Ogos yang lalu ini dapat memperkuatkan lagi agenda kerjasama diplomasi sekuriti makanan antara kedua-dua buah negara.

Pelbagai usaha dan strategik turut dibincangkan secara bilateral bagi mengukuhkan lagi kerjasama antara dua buah negara ini. Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan UAE atas dasar Kerjasama Diplomasi Sekuriti.

Perjumpaan dua hala antara delegasi MAFI dan Kementerian Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Arab Saudi ini dapat memperkuatkan dan memperluaskan kerjasama dalam bidang pertanian antara Malaysia dan UAE seperti perkongsian teknologi, fasilitasi perdagangan bagi produk dan aktiviti hiliran agromakanan, galakan akses pasaran serta pertukaran latihan dan kepakaran.

Selain itu, lawatan kerja ini juga dapat mengukuhkan kerjasama teknikal antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan International Center for Biosaline Agriculture (ICBA) dalam pertanian mampu melalui pengurusan pengairan dan perubahan iklim.

Kerjasama yang dimulakan pada 21 Februari 2022 telah memberi ruang kepada kedua-dua buah negara ini untuk berkongsi teknologi dan pengalaman dalam meningkatkan produk dan hasil pertanian.

Kerjasama erat yang terjalin melalui perjumpaan dua hala ini diharap akan terus mengukuhkan hubungan kerjasama dua hala dalam sektor pertanian dan industri makanan antara Malaysia dengan UAE sekaligus menjamin sekuriti makanan kedua-dua buah negara.



MESYUARAT DUA HALA KE ARAB SAUDI

YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan mengetuai delegasi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menghadiri mesyuarat dua hala ke Arab Saudi pada 24 hingga 26 Ogos 2022 yang lalu.

Mesyuarat dua hala ke Arab Saudi ini adalah atas undangan H.E. Eng. Abdulrahman A. Alfadley, Menteri Alam Sekitar, Air dan Pertanian Arab Saudi sebagai susulan lawatan rasmi beliau bersama delegasi ke Malaysia pada 13 Julai 2022 yang lalu.

Lawatan delegasi MAFI ini bertujuan meneruskan rundingan bagi memperkuatkan kerjasama dalam sektor pertanian bersama Arab Saudi merentasi pelbagai subsektor agromakanan.

Bagi tahun 2021, Malaysia mengeksport hasil dan produk pertanian sebanyak RM2.4 bilion ke Arab Saudi, manakala jumlah import hasil dan produk pertanian Arab Saudi adalah sebanyak RM100 juta.

Perjumpaan dua hala antara YB Menteri MAFI dan Arab Saudi ini mampu memperkuatkan lagi hubungan perdagangan hasil dan produk pertanian antara kedua-dua buah negara.

PENYERAHAN SURAT PERLESENAN PERIKANAN LAUT DALAM SARAWAK



YB Menteri MAFI telah merasmikan Majlis Penyerahan Surat Penurunan Kuasa Pelesenan Perikanan Laut Dalam Sarawak yang turut disaksikan oleh YB Datuk Amar Hj Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak yang mewakili YAB Premier Sarawak.

Pada Oktober 2021 yang lalu, Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63) telah bersetuju dengan pelaksanaan empowerment atau penurunan kuasa kepada Jabatan Perikanan Laut Sarawak (JPLS) dan Kementerian Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED) untuk melaksanakan urusan pengeluaran permit dan lesen laut dalam bagi vesel penangkapan ikan Zon C2 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di Sarawak.

Pembangunan industri perikanan di Sarawak berpotensi tinggi untuk terus dikembangkan dengan adanya seramai 10,828 orang nelayan dan 5,103 buah vesel yang telah menghasilkan 125,000 tan metrik ikan setahun dengan nilai melebihi RM716 juta.

MAFI akan terus mengadakan sesi libat urus dengan Kerajaan Sarawak melalui *Joint Development Committee* yang telah ditubuhkan antara MAFI dan MANRED, bagi membincangkan dan memperhalusi program dan projek merentasi semua subsektor agromakanan termasuk pembangunan industri perikanan Sarawak dalam usaha memajukan sektor agromakanan Sarawak sekaligus memperkuat jaminan bekalan makanan demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

MAJLIS PERASMIAN SIMPOSIUM PENYAKIT DALAM AKUAKULTUR ASIA KE-11 (DAA11)

Menteri Pertanian dan Industri Makanan YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee telah menghadiri Majlis Perasmian Simposium Penyakit Dalam Akuakultur Asia ke-11 (DAA11) di Borneo Convention Centre Kuching yang disempurnakan oleh YB Datuk Amar Hj Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak yang mewakili YAB Premier Sarawak.

Bertemakan "Tanah Penggembalaan Meneroka Kesihatan Haiwan Akuatik Untuk Akuakultur Lestari", persidangan antarabangsa Simposium DAA11 ini telah disertai oleh lebih 400 orang peserta dari lebih 20 negara termasuk fizikal dan maya.

Antara topik utama dalam Simposium DAA11 ialah Bio-sekuriti dalam Akuakultur, Epidemiologi, Kaedah Pengesanan dan Diagnostik, Langkah-langkah Pencegahan dan Kawalan serta penyelidikan termaju dalam Pengurusan Kesihatan Ikan dan Udang.

Simposium dengan penglibatan pelbagai pihak termasuk pemain industri ini mampu meningkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan peserta persidangan mengenai isu semasa seperti kerugian akibat penyakit, kemunculan penyakit baru dan pergerakan ikan hidup serta membuka peluang perkongsian maklumat daripada pelbagai topik perikanan yang dibentangkan dan pameran yang diadakan.



LENSA MAFI

SUASANA MAHA 2022
Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show



Program Penghayatan Nilai Islam dan Bicara Integriti



Mesyuarat The 43th Special SOM-AMAF



Gotong Royong Memasak Bubur Asyura di Laman Legar MAFI



Sesi Penyerahan Surat Lantikan Pengurus Besar KADA



Sambutan Hari Kebangsaan 2022

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:
**YBHG. DATO'
HASLINA BINTI
ABDUL HAMID**
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

KETUA EDITOR:
**SALMAH BINTI
RAMLI**

EDITOR:
**NURIL
MUTMAINNAH
ROSLAN**

PENULIS:
**SARI NOR
AMRIAH**
**NABILLAH
ZAMRI**

GRAFIK:
**SURAIYA
HANI BINTI
ZAMRI**
**NABILLAH
ZAMRI**

JURU FOTO:
**MOHD NAJIB
BIN ABDUL
JABAR**
**KAHIRUL
ANWAR**

**IDEA, KONSEP &
TERBITAN:**
**UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT, MAFI**